

WINNER 5

Road Safety Hero: Norman Bin Abdul Manaf

Nominator: Noor Aien Binti Abdul Manaf

Story:

Kejadian ini berlaku ketika saya ingin keluar dari rumah. Saya melihat seorang pemuda orang kurang upaya pendegaran (OKU) yang sedang mengalihkan besi yang berada di tengah jalan. Kemungkinan dia mengalihkan besi itu supaya tidak berlaku kemalangan atau kerosakan pada kenderaan dan pengguna yang melalui jalan di situ kerana jalan di situ kerap digunakan oleh penduduk dan pekerja kilang. Bagi saya pemuda itu boleh dianggap sebagai hero kerana mempunyai nilai tanggungjawab dalam diri untuk keselamatan orang di sekeliling.